

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS KHIDMAT BAKTI DAN PENYAMPAIAN SURAT-SURAT PERLANTIKAN
JAWATAN
Lokasi : HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 18-08-1993

Pada malam ini, kita meraikan mereka yang akan bersara, iaitu mereka yang telah banyak berbakti dan menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Sepertimana yang kita tahu, ada di antara yang akan bersara ini merupakan orang yang telah banyak memberi sumbangan kepada pertahanan negara. Mereka begitu setia dalam menjalankan tugas demi keamanan dan kemakmuran negara.

Kesetiaan mereka ini amat dihargai, malah dalam menjalankan tugas ini, mereka telah melaksanakan satu tanggungjawab yang amat digalakkan oleh Islam, seperti yang tersebut dalam surah Al-Anfal, ayat 60 yang bermaksud: "Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka (musuh-musuh Islam) dengan kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggetarkan musuh-musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedangkan Allah mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah, nescaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya." Sesungguhnya tugas mempertahankan negara ini amat tinggi nilainya dan akan dibalas dengan sebaik-baik balasan di dunia dan di akhirat.

Our nation is steeped in tradition and nowhere is this more apparent than in the Armed Forces, whether in the Army, Air Force or Navy. This country has had to fight many critical battles in order to remain free - the communist insurgency and confrontation. Our soldiers fought courageously. When we think of the Armed Forces, we think almost instinctively of youth - of youthful energy and daring and amazing courage. The Armed Forces is older now, but the spirit of service seems unchanged. General Tan Sri Yaacob has served in different parts of the world. He has the qualities of courage and dash, grit and determination.

These qualities are not given at birth. They are traditional in the Armed Forces, and they are the first things that every new recruit learns to appreciate. You have passed down these qualities to your men. This is your greatest achievement.

Selain dari bidang pertahanan, ramai lagi yang akan bersara ini datangnya dari pelbagai bidang perkhidmatan, seperti Y.Bhg. Dato' Wan Jaafar daripada PTD, Encik Yin Ee Heng daripada perkhidmatan kajibumi, yang saya pasti tidak kurang pentingnya dalam memberi sumbangan kepada negara.

Jasa tuan-tuan sekalian amat dihargai dan negara amat berterimakasih atas segala kesetiaan, usaha dan penat-lelah yang tuan-tuan curahkan. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala jasa baik anda semua.

Dalam menjalani kehidupan setelah bersara nanti, perlu diambil ingatan kepada satu sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud: "Rebutlah peluang lima perkara sebelum datang lima perkara yang lain, iaitu sihatmu sebelum sakitmu, mudamu sebelum tuamu, masa lapangmu sebelum masa sibukmu, kayamu sebelum miskinmu dan hidupmu sebelum matimu." Peluang yang harus direbut itu ialah peluang untuk melakukan amal soleh dan perkara-perkara kebajikan demi kebaikan diri sendiri dan masyarakat. Walaupun tuan-tuan sudah bersara, ini tidak bermaksud tenaga tuan-tuan sekalian tidak lagi diperlukan oleh negara. Sebaliknya, tenaga tersebut yang ditambah dengan pengalaman yang diperolehi dalam puluhan tahun itu, menyebabkan tuan-tuan sekalian masih boleh memberi sumbangan yang besar kepada negara.

Satu perkara lagi yang boleh digunakan sebagai pengisian kehidupan selepas bersara ialah mencari ilmu.

Sesungguhnya, mencari ilmu adalah satu proses yang berlaku sepanjang hayat. Melaluinya, bukan sahaja masa kita akan terisi dengan baik, tetapi peningkatan ilmu itu dapat kita gunakan untuk faedah diri dan masyarakat.

Selain itu, dalam usia persaraan ini, elok juga jika tuan-tuan sekalian mengisi masa dengan aktiviti-aktiviti riadah demi menjamin kecerdasan mental dan fizikal. Saidina Umar r.a. pernah menasihatkan agar kita mengajar anak-anak kita berenang, memanah dan menunggang kuda. Dalam konteks moden ini, bermain golf atau berjasas deras.

Aktiviti-aktiviti ini bukan bertujuan untuk mempersiapkan diri untuk mempertahankan negara semata-mata, tetapi ia juga merupakan aktiviti-aktiviti yang terbaik untuk kecergasan mental dan fizikal. Dengan adanya kedua-dua kekuatan ini, adalah diharapkan tuan-tuan sekalian akan terus dapat memberikan sumbangan kepada negara.

On a similar occasion like this one, some one offered this piece of advice which is entitled "Just Forget", and I quote: "Be a good forgetter, forget the things that are behind; forget injuries, slights, unkind words; be too big to be hurt; be too great to be unkind; be too busy to quarrel; too wise to engage in unseemly gossips; too strong to permit little annoyances to turn your life's big road; too clean to stain your character with any kind of mudracking". Nasihat yang saya ingin sampaikan ialah supaya tuan-tuan akan terus menjaga isteri masing-masing who have stood by you through thick and thin. Saya ucapkan selamat bersara, and carry on with life. Life is like riding a bicycle. You don't fall off unless you stop paddling. I hope you do not enter old age when you retire. It can be frustrating. They say that old age has been defined as that time in life when you know all the answers but nobody asks you the question. Selamat bersara, dan terimalah penghargaan Kerajaan melalui saya.